

27 SEP 1998

Pemuda-Rahim

PEMUDA P.PINANG SOKONG TINDAKAN KERAS TERHADAP KETUANYA

PULAU PINANG, 27 Sept (Bernama) -- Pemuda Umno Pulau Pinang menyokong keputusan Pergerakan Pemuda Umno pusat yang meminta Jawatankuasa Disiplin parti supaya mengenakan tindakan sekeras-kerasnya terhadap ketuanya, Dr Abdul Rahim Ghouse.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno Negeri Nor Azman Othman berkata, langkah itu bersesuaian dengan penglibatan Abdul Rahim secara terang dalam gerakan reformasi anjuran Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bercakap pada sidang berita selepas perjumpaan semua Ketua Pemuda Bahagian dan wakil-wakil Ketua Pemuda Bahagian negeri, beliau berkata Pergerakan Pemuda Pulau Pinang juga menyerahkan mengenai kedudukan Ketua Pemuda Negeri kepada pucuk pimpinan Umno.

Nor Azman berkata perjumpaan itu juga menyatakan sekali lagi sokongan Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang.

Menurutnya, Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang juga akan mengatur majlis penerangan dalam tempoh seminggu di semua bahagian negeri ini.

Nor Azman berkata Pemuda Umno Pulau Pinang juga melahirkan rasa tidak senang dengan kenyataan yang dibuat oleh beberapa pemimpin luar negara terhadap keadaan di Malaysia.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar.

Ia turut dihadiri oleh Setiausaha Umno Pulau Pinang Azhar Ibrahim dan dua anggota Exco Pergerakan Pemuda pusat Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Nordin Mohd Noor.

Mohd Shariff berkata beliau akan mengemukakan senarai ahli parti itu di negeri yang jelas menyokong gerakan reformasi kepada Jawatankuasa Disiplin parti dalam tempoh seminggu ini.

"Kita sudah ada senarai nama dan sedang menghimpun lagi sebelum dihantar kepada Setiausaha Agung Datuk Sabbaruddin Chik," katanya.

-- BERNAMA

AHM MAI